

SOALAN NO. 26**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa Ketua Hakim Negara, Tan Sri Md Raus Sharif dan Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin dilanjutkan tempoh perkhidmatan mereka sungguhpun mereka sudah mencapai umur bersara mandatori. Adakah tidak ada lain-lain hakim yang berkelayakan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan YAA Tun Raus Sharif sebagai Ketua Hakim Negara dan YAA Tan Sri Zulkefli bin Ahmad Makinudin sebagai Presiden Mahkamah Rayuan adalah bertujuan untuk mengekalkan pengalaman dan kepakaran perundangan mereka dalam menerajui Badan Kehakiman negara.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pelantikan-pelantikan ini dibuat berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat YAB Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 24 dan 25 Mei 2017 telah memperkenankan YAA Tun Raus Sharif dan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin yang sebelum ini telah dilantik sebagai hakim tambahan bagi Mahkamah Persekutuan masing-masing untuk tempoh 3 tahun mulai 4 Ogos 2017 dan 2 tahun mulai 28 September 2017 di bawah Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, terus memegang jawatan Ketua Hakim Negara dan Presiden Mahkamah Rayuan mulai tarikh dan untuk tempoh yang sama.

YAB Perdana Menteri sebelum memberi nasihat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan YAA Tun Raus Sharif sebagai Ketua Hakim Negara dan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin sebagai Presiden Mahkamah Rayuan telah mendapat pandangan daripada Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia juga, perlantikan YAA Tun Raus Sharif dan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan setelah mencapai umur 66 tahun dan 6

bulan adalah atas sembah cadangan dan nasihat Ketua Hakim Negara pada ketika itu, YAA Tun Arifin bin Zakaria kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 Mac 2017 sebelum YAA Tun Arifin bin Zakaria bersara. Cadangan dan nasihat itu telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.